

Kerajaan kaji kaedah bantu rakyat tanpa keluar KWSP

Penyelesaian lain dicari supaya tidak beban pekerja apabila bersara

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Selangor: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan sedang mengkaji alternatif membantu rakyat yang menghadapi masalah kewangan berikutan peningkatan kos sara hidup tanpa perlu mereka mengeluarkan simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang mencari jalan penyelesaian lain yang tidak akan membebankan pekerja apabila mereka bersara nanti.

"Kita kenaimbang. Kita sedang cari jalan kurangkan beban tanpa menimbulkan beban lain pada masa mereka bersara nanti," katanya selepas menyampaikan Syarahan Ulung Siddiq Fadzil - Pemikiran Reformasi Pendidikan Untuk Kesejahteraan Masa Depan Malaysia di Universiti Selangor (UNISEL), semalam.

Perdana Menteri ditanya sama ada pengeluaran KWSP dalam pertimbangan kerajaan dalam Belanjawan 2023 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 24 Februari ini.

Pelbagai pihak menggesa kerajaan membantu dan mengutamakan rakyat yang berada dalam kesusahan, termasuk membenarkan pengeluaran KWSP dalam Belanjawan 2023.

Perdana Menteri menjelaskan,



Anwar menerima buku Warkah Dari Sungai Buloh yang disampaikan Presiden dan Naib Canselor UNISEL, Prof Dr Mohammad Redzuan Othman (kiri) sambil diperhatikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari pada program syarahan Reformasi Pendidikan Untuk Kesejahteraan Masa Depan Malaysia di UNISEL, Kuala Selangor, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

beliau memahami isu mengenai kebenaran pengeluaran KWSP seperti dibangkitkan banyak pihak.

Katanya, sudah banyak kali kebenaran diberi dan ada simpanan pencarum yang semakin berkurangan.

"Saya kalau ikut, (itu) wang dia. Dia nak keluar biar dialah. Tapi jika wang tinggal RM5,000 (dalam KWSP), keluar RM3,000, pencen nanti dia anak beranak macam mana?" katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai tumpuan Belanjawan 2023, Perdana Menteri berkata, seperti yang sudah beliau umumkan sebelum ini tumpuan sudah tentu terarah kepada isu menangani defisit, digital dan sekuriti makanan.

"Pada masa sama, isu kesejahteraan dan masalah kos sara hidup rakyat jadi tumpuan utama. Per-

kara yang lain, akan saya bantangkan dalam belanjawan itu nanti," katanya.

Pada 4 Februari lalu, Pertubuhan Gagasan Inovasi Rakyat (PGIR) dalam kenyataan meminta kerajaan meluluskan pengeluaran KWSP 2.0 bersasar kepada tiga juta pencarum yang benar-benar terkesan.

Presiden PGIR, Azmi Mohd Tahir, berkata angka itu diperoleh berdasarkan kajian senarai pencarum dijalankan pihaknya.

Katanya, sebelum ini, kerajaan membenarkan pengeluaran caruman kepada tujuh juta pencarum, namun tiada mana-mana agensi yang membuat kajian, yang dapat membuktikan semua itu adalah pencarum yang betul-betul susah.

"Tuntutan kami kali ini bersasar sebab kita tak mahu lihat perbelanjaan tidak terkawal atau pencarum tak terkesan, ambil kesempatan mengeluarkan simpa-

nan KWSP untuk 'berjoli'.

"Daripada kajian senarai pencarum, kami mencadangkan kelulusan diberi kepada tiga juta pencarum.

"Setakat ini, PGIR juga menerima laporan dan aduan seramai 320,000 pencarum terkesan. Jumlah ini diperoleh daripada borang aduan dibuat PGIR dan belum mengambil kira jumlah sebenar pencarum di luar yang betul-betul terkesan," katanya.

Mengulas lanjut, Azmi yakin kerajaan akan meluluskan permohonan itu bagi memastikan kelangsungan hidup golongan terkesan, ditambah tuntutan PGIR disokong pertubuhan bukannya kerajaan (NGO) lain dan wakil rakyat di Dewan Rakyat.

Selain itu, beliau berkata, menerusi kerjasama dengan GHRF, PGIR akan membawa empat usul tuntutan pengeluaran KWSP 2.0 mengikut kategori dan keperluan.